



PEMIKIRAN  
KEAMANAN  
DAN  
KESEJAHTERAAN  
INSAN



PENYUNTING

ATEERAH ABDUL RAZAK  
NUR AZUKI YUSUFF  
MOHD ZAIN MUBARAK

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
eISBN 978-629-489-003-9

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman.  
Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Mohd Faris Fauzi.  
Pembaca Prof: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,

16100 Kota Bharu,

Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

# KANDUNGAN

Senarai Penyumbang Bab

Kata Pengantar

Prakata

## **BAB 1**

### **PENGENALAN PEMIKIRAN KEAMANAN DALAM KEHIDUPAN BERMASYARAKAT**

*Ateerah Abdul Razak, Mohd Zain Mubarak dan Nur Azuki Yusuff*

## **BAB 2**

### **KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN MENURUT PERSPEKTIF WAHYU**

*Nik Yusri Musa dan Mohd Zain Mubarak*

## **BAB 3**

### **MEMAKNAKAN FAHAM KEAMANAN DALAM KERANGKA MALAYSIA PASCAMERDEKA**

*Noor Hisham Md Nawi*

## **BAB 4**

### **TEORI PERUBAHAN SOSIAL DAN BEBERAPA LANGKAH MENGURUS MASYARAKAT KEPELBAGAIAN MALAYSIA KINI**

*Nur Azuki Yusuff dan Mansor Mohd Noor*

## **BAB 5**

### **MENGEMBALIKAN PERANAN BELIA NEGARA BERFIKIRAN POLITIK MATANG DI MALAYSIA**

*Shamrahayu Ab. Aziz dan Nur Azuki Yusuff*

## **BAB 6**

### **KAEDAH PENGURUSAN MASYARAKAT KEPELBAGAIAN DI MALAYSIA**

*Zaleha Embong, Ateerah Abdul Razak dan Mansor Mohd Noor*

## **BAB 7**

### **PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DALAM Mendukung Aspirasi Kesejahteraan Komuniti**

*Ruzaini Ijon, Azlinda Azman dan Paramjit Singh Jamir Singh*

## **BAB 8**

### **TRAGEDI KANJURUHAN 1 OKTOBER 2022; ISU DAN SOP KESELAMATAN DALAM SUKAN BOLA SEPAK**

*Yohan Kurniawan dan Mohd Zain Mubarak*

## **BAB 9**

### **FUNGSI KEAMANAN DALAM PEMINDAHAN ILMU DARI TIMUR KE BARAT**

*Kamaruzaman Yusoff dan Ateerah Abdul Razak*

## **BAB 10**

### **MENDEPANI PEMIKIRAN KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN DI MALAYSIA**

*Ateerah Abdul Razak, Mohd Zain Mubarak dan Nur Azuki Yusuff*

Glosari

Indeks

Biodata Penyunting

## **SENARAI PENYUMBANG BAB**

### **Ateerah Abdul Razak**

Pensyarah

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Mohd Zain Mubarak**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Nur Azuki Yusuff**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Nik Yusri Musa**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Noor Hisham Md Nawi**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Ruzaini Ijon**

Pensyarah

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

**Yohan Kurniawan**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

**Zaleha Embong**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

**Mansor Mohd Noor**

Profesor

Institut Kajian Etnik (KITA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Azlinda Azman**

Profesor

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

**Paramjit Singh Jamir Singh**

Profesor Madya

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

**Shamrahayu Ab. Aziz**

Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu UiTM

**Kamaruzaman Yusoff**

Mantan Profesor

Universiti Teknologi Malaysia

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 7.1	Matlamat Pembangunan Millenium
Jadual 7.2	Matlamat Pembangunan Mampan
Jadual 7.3	Tujuh Teras Utama Tahun 2022

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1	Konsep Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan
Rajah 4.1	Corak Pembangunan Negara Berdasarkan Impak Sosialisasi
Rajah 4.2	Pembangunan Negara Berdasarkan Corak Tadbir Urus Kerjaan
Rajah 4.3	Lompang Sosial di Malaysia Kini
Rajah 7.1	Garis Masa Ke Arah Pembentukan Kerangka Menyeluruh Agenda 2030
Rajah 7.2	Mekanisme Institusi Bagi Pelaksanaan SDG
Rajah 8.1	Rusuhan yang Berlaku di Stadium Kanjuruhan, Malang, Indonesia

## PRAKATA

*Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan* merupakan buku pertama pusat PEMIKIR yang dihasilkan daripada kompilasi pembentangan ilmiah yang terdiri daripada tokoh ilmuwan dan wacana eksklusif rakan pendidik Universiti.

Perbincangan ilmiahnya merupakan satu wacana penting dalam memartabatkan kerangka pemikiran masyarakat yang berteraskan nilai keinsanan di Malaysia. Buku ini membincangkan secara ringkas pengenalan bentuk pemikiran semasa dan isu berkaitannya dari aspek yang diobjektifkan oleh pihak fakulti. Ia turut dikembangkan dengan maklumat tambahan hasil penemuan langsung dan tidak langsung semasa proses pengumpulan dan analisis data.

Buku ini terdiri daripada 10 bab dan kesemua bab mewakili kandungan bicara tokoh. Manakala selebihnya adalah tambahan bab bagi menyimpulkan dan merumuskan objektif perkongsian. Bab awal dimulakan dengan melihat bentuk pemikiran keamanan dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Seterusnya Bab 2 mengetengahkan definisi dan peruntukan keamanan dan kesejahteraan menurut perspektif wahyu dalam Islam.

Di dalam Bab 3, penulis mengajak pembaca untuk lebih kritikal memaknakan faham keamanan dalam kerangka Malaysia pascamerdeka. Ia pasti memberikan pola kefahaman yang jelas kepada pembaca. Kemudiannya disajikan dengan perbincangan teori perubahan sosial dan langkah mengurus masyarakat kepelbagaian Malaysia di dalam Bab 4 dan isu bagaimana mengembalikan peranan belia negara berfikiran politik matang di Malaysia dalam Bab 5.

Kaedah pengurusan masyarakat kepelbagaian di Malaysia dibincangkan dalam Bab 7 dan disusuli dengan perbincangan peranan pertubuhan bukan kerajaan dalam mendukung aspirasi kesejahteraan



komuniti dalam bab seterusnya. Penulis membawa satu kajian kes untuk dicernakan berkaitan pemikiran keamanan di dalam Bab 8 yang membincangkan isu tragedi kanjuruhan 1 Oktober 2022; isu dan SOP keselamatan dalam sukan bola sepak.

Dalam Bab 9 pula, perbincangan diluaskan sedikit dengan membincangkan fungsi keamanan dalam pemindahan ilmu dari timur ke barat. Seterusnya di dalam bab terakhir, perbincangan tertumpu kepada bagaimana usaha dan strategi yang perlu bagi mendepani pemikiran keamanan dan kesejahteraan di Malaysia.

Akhir sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pengurusan fakulti yang memberi kepercayaan kami. Ucapan terima kasih kepada pihak RMIC dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi serta rakan sidang penyunting dan Penerbit UMK.

**Ateerah Abdul Razak**

**Nur Azuki Yusuff**

**Mohd Zain Mubarak**

# **BAB 1**

## **PENGENALAN PEMIKIRAN KEAMANAN DALAM KEHIDUPAN BERMASYARAKAT**

*Ateerah Abdul Razak, Mohd Zain Mubarak dan Nur Azuki Yusuff*

### **PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan mengenai konsep pemikiran manusia dan kaitannya dengan fitrah pembangunan insan menurut perspektif agama. Sehubungan itu, bab ini juga akan merungkaikan bagaimana kaedah berfikir yang boleh menyumbang kepada kejayaan di dunia dan akhirat. Ini juga membawa kepada perbincangan yang seterusnya iaitu bagaimana pemikiran yang bersifat syumul membuahkan keamanan dan kesejahteraan kepada diri dan juga masyarakat.

Konsep pemikiran merupakan elemen utama dalam membentuk hasil tindak-tanduk setiap manusia. Ia merupakan satu proses dinamik yang berkaitan dengan pemikiran manusia. Ini kerana dalam setiap aktiviti harian mahupun keputusan yang perlu dibuat, ia memerlukan kepada proses berfikir. Justeru dalam proses berfikir, sarjana Muslim bersetuju bahawa proses berfikir juga merupakan satu aktiviti yang berkait rapat dengan aktiviti spiritual. Ini juga berkait rapat dengan konsep fitrah jiwa manusia yang selalu aktif dalam mencari sebuah makna atau kebenaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesinambungan konsep spiritual dan jiwa sangat memberi impak dalam proses berfikir.